



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

Jumaat, Oktober 28, 2016

CARI

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

Wei Wei pelajar China pertama peroleh Bachelor Bahasa Arab di UPM

Oleh Azman Zakaria
Foto oleh Mohd Hasrul Hamdan



SERDANG, 25 Okt - hang Wei Wei menjadi pelajar dari China yang pertama memperoleh ijazah Bachelor Bahasa Arab di Universiti Putra Malaysia (UPM), apabila beliau menerimanya pada Majlis Konvokesyen ke-40 UPM d sini hari ini.

Wei Wei, 27, dari wilayah Tian Jin tidak jauh dari Beijing berkata mempelajari bahasa Arab memerlukan ketekunan dan kesungguhan terutama yang membabitkan tatabahasa.

"Kita perlu banyak berinteraksi dengan rakan sekuliah, mengulang kaji dan berbincang... bagi saya tatabahasanya agak sukar.

"Tapi ia seronok dipelajari, lebih-lebih lagi ia bahasa Al-Quran," katanya ketika ditemui.

Sebelum melanjutkan pelajaran ke UPM pada 2012, anak tunggal daripada keluarga Islam ini, memiliki diploma bahasa Arab ketika menuntut di negaranya.

"Saya mahu terus mendalami bahasa Arab, sebab itu saya melanjutkan pelajaran dalam bidang yang sama.

"Saya juga sudah mula mengikut pengajian peringkat Master dalam bahasa Arab di UPM, iaitu sebaik sahaja menamatkan pengajian peringkat bachelor," katanya.

Katanya, beliau mempelajari bahasa Arab juga kerana akan memudahkannya memperoleh pekerjaan kelak di negaranya.

"Banyak peluang pekerjaan di China seperti menjadi guru atau penterjemah kerana kini semakin ramai pelancong dan pelabur Arab datang ke China, tentunya majikan memerlukan penterjemah," katanya.

Menurutnya, kedua ibu bapanya adalah pendorong kuat untuknya belajar bahasa Arab dan melanjutkan pelajaran di luar China.

"Mereka mahu minda saya lebih terbuka ketika di negara luar dan menimba pengalaman bergaul dengan masyarakat Islam dan bukan Islam seperti yang terdapat di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, kedua ibu bapanya tidak hadir pada konvokesyen ini tetapi gembira dengan kejayaannya, dan akan datang ke Malaysia pada konvokesyen apabila beliau memperoleh Master nanti. - UPM

